



## KERATAN AKHBAR

|             |   |                  |            |   |    |
|-------------|---|------------------|------------|---|----|
| AKHBAR      | : | HARIAN METRO     |            |   |    |
| TARIKH      | : | 1/12/2019        | MUKA SURAT | : | 15 |
| JABATAN     | : | PERHILITAN       |            |   |    |
| KLASIFIKASI | : | <b>PERHATIAN</b> |            |   |    |

### Cara urus bangkai haiwan

**Baru-baru** ini, saya membuang bangkai monyet yang mati dilanggar di kawasan pembuangan sampah tanpa menanamnya.

Apakah hukum saya bertindak sedemikian dan adakah bangkai haiwan yang mati seperti dilanggar itu wajib juga ditanam?

**Min  
Kuantan**

**Bangkai** binatang bukanlah seperti mayat manusia yang perlu dihormati dan wajib dikebumikan.

Namun, bangkai yang busuk, kotor dan boleh mengakibatkan penyakit perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya sehingga alam terpelihara.

Allah berfirman yang bermaksud: "Tidak ada suatu musibah menimpa (seseorang), kecuali dengan izin Allah dan sesiapa beriman kepada Allah, nescaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu." (Sura at-Taghabun, ayat 11)

Dalam hal itu, semua jenis haiwan yang sudah mati perlu ditanam di tempat sesuai dan kedalaman lubang juga perlu dibuat bersesuaian dengan saiz haiwan berkenaan.

Ia bertujuan mengelakkan pencemaran bau apabila lubang yang digali kurang dalam dan menyebabkan bangkai haiwan itu dapat dihidu.

Selain itu, dapat mengelak daripada dikorek haiwan pemangsa yang berkeliaran di tempat berkenaan.